

## **IHI POWER SYSTEM MALAYSIA SDN BHD NOTIS PRIVASI**

### **Apakah Data Peribadi yang kami kumpul?**

**IHI Power System Malaysia Sdn Bhd (“Syarikat”)** menghormati hak privasi anda. Kami akan menyimpan Data Peribadi anda dengan selamat dan kami akan hanya menggunakan maklumat peribadi anda dalam cara yang anda kehendaki.

Notis Privasi ini menjelaskan cara Syarikat mengumpul, menggunakan, memproses dan mendedahkan Data Peribadi anda melalui penggunaan laman sesawang kami, produk-produk, ciri-ciri dan perkhidmatan-perkhidmatan kami yang lain.

“**Data Peribadi**” ialah sebarang maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti diri anda atau anda boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut dan termasuk Data Peribadi Sensitif dan ekspresi pendapat ke atas diri anda.

“**Data Peribadi Sensitif**” merangkumi maklumat berkaitan kesihatan fizikal atau kesihatan mental atau keadaan, pendapat berunsur politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang serupa, pelakuan atau didakwa melakukan sebarang kesalahan, atau, apa-apa Data Peribadi lain yang ditetapkan demikian.

Jenis-jenis Data Peribadi yang kami kumpul tentang anda:

- maklumat hubungan;
- maklumat hubungan perniagaan;
- nama pengguna dan kata laluan untuk akses kepada perkhidmatan-perkhidmatan kami;
- maklumat kewangan;
- maklumat pekerjaan;
- rekod-rekod perubatan;
- pengecam media sosial; dan
- maklumat-maklumat lain (seperti tabiat dan keutamaan-keutamaan membeli-belah, bahasa pilihan, umur, tarikh lahir, jantina dan status keluarga).

### **Apakah tujuan kami menggunakan Data Peribadi anda?**

Mana-mana Data Peribadi yang kami kumpul daripada anda akan digunakan untuk salah satu tujuan yang berikut:

- untuk membekalkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami kepada anda;
- untuk membekalkan maklumat produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan kepada anda;
- untuk mentadbir hubungan kami dan mengekalkan hubungan kontraktual kami;
- untuk mentadbir akaun anda dengan kami;
- untuk menghantar bahan-bahan promosi berkenaan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami;
- untuk memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan anda;
- untuk tujuan pemasaran dan perkembangan perniagaan;
- untuk mematuhi kewajipan undang-undang dan kawalan selia;
- untuk menubuhkan, melaksanakan atau mempertahankan hak di sisi undang-undang;
- untuk menambah baik perkhidmatan pelanggan: Data Peribadi anda membantu kami untuk memberi maklum balas yang lebih efektif kepada permintaan khidmat pelanggan dan keperluan sokongan anda;
- untuk menjalankan operasi-operasi dalaman bagi membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan kami iaitu menyelesaikan masalah gangguan perisian dan masalah-masalah operasi, memantau dan menganalisa arah aliran aktiviti;
- di dalam keadaan-keadaan yang lain, untuk tujuan-tujuan yang perlu atau secara langsung berkaitan dengan hubungan bersama kami atau di mana ia dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai;

- untuk mengendalikan aktiviti-aktiviti dalaman;
- mana-mana tujuan lain yang perlu untuk mengendalikan perniagaan kami dan/atau
- Data Peribadi anda tidak akan dijual, ditukar, dipindah, atau diberikan kepada mana-mana syarikat untuk apa-apa tujuan sekalipun, tanpa persetujuan anda melainkan untuk tujuan penjualan dan penghantaran produk-produk di laman sesawang.

### **Pengumpulan Data Peribadi**

Kami boleh mendapatkan Maklumat Peribadi anda daripada sumber-sumber yang pelbagai. Kami juga boleh mendapatkan Maklumat Peribadi anda daripada sistem-sistem maklumat yang tersedia kepada umum dan agensi-agensy pelapor yang berhubung dengan kontrak kami bersama anda.

Kami mengumpul Data Peribadi anda dalam cara berikut:

- a) Apabila anda membekalkan Data Peribadi kepada kami, kami akan mengumpul Data Peribadi anda apabila anda membekalkan kepada kami secara sukarela seperti di bawah:
  - apabila anda mencipta akaun di laman sesawang kami;
  - apabila anda mengisi profil pengguna atau borang pendaftaran; dan
  - apabila anda mengisi maklumat demografik dalam suatu kaji selidik
- b) Data Peribadi anda boleh dikumpulkan apabila anda menggunakan salah satu perkhidmatan-perkhidmatan kami seperti di bawah:
  - Maklum balas, penilaian-penilaian dan pujian-pujian;
  - Maklumat transaksi; dan/atau
  - Maklumat berkenaan pengalaman anda menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan kami.
- c) Apabila anda membekalkan Data Peribadi pihak ketiga

Di dalam beberapa situasi, anda boleh membekalkan Data Peribadi pihak ketiga (seperti pasangan anda, ahli-ahli keluarga atau rakan-rakan) kepada kami. Jika anda membekalkan kami dengan Data Peribadi mereka, anda mewakili dan menjamin bahawa anda telah memperoleh persetujuan mereka untuk Data Peribadi mereka dikumpul, digunakan, diproses dan didedahkan seperti yang dinyatakan di dalam Notis ini.

### **Data Peribadi untuk Kanak-Kanak**

Kami tidak mengumpul Data Peribadi secara sengaja daripada mana-mana individu di bawah umur 18 tahun. Sebagai ibu bapa atau penjaga, sila jangan benarkan kanak-kanak di bawah jagaan anda untuk menyerahkan Data Peribadi mereka kepada kami. Sekiranya mana-mana Data Peribadi kanak-kanak didedahkan kepada Syarikat, anda dengan ini memberi kebenaran sebagai ibu bapa atau penjaga untuk kami memproses Data Peribadi kanak-kanak dan anda sendiri menerima dan bersetuju untuk terikat dengan Notis ini dan bertanggungjawab ke atas kelakuan-kelaluan kanak-kanak tersebut.

### **Bagaimana kami melindungi Data Peribadi anda?**

Untuk melindungi Data Peribadi anda daripada akses tanpa kebenaran, pengumpulan tanpa kebenaran, penggunaan tanpa kebenaran, pendedahan tanpa kebenaran, pemprosesan tanpa kebenaran, penyalinan tanpa kebenaran, pengubahsuaian tanpa kebenaran atau risiko-risiko yang serupa, kami telah melaksanakan pelbagai langkah-langkah keselamatan untuk melindungi keselamatan Data Peribadi anda apabila anda masuk, serah, atau akses maklumat peribadi anda, yang mungkin termasuk (tetapi tidak terhad): menandatangani sijil SSL, penyulitan TLS, dan simpanan kata laluan bercincang.

## **Pengumpulan Data Komputer**

Apabila anda melawat laman sesawang kami, pelayan syarikat kami akan secara automatik merekodkan maklumat yang dihantar oleh pelayar anda apabila anda melawat sebuah laman sesawang. Data ini mungkin termasuk:

- Alamat IP komputer anda;
- Jenis pelayar;
- Laman sesawang yang dilawati sebelum anda melawati ke laman sesawang kami;
- Halaman yang dilawati dalam laman sesawang;
- Masa yang digunakan untuk laman-laman tersebut, perkara-perkara dan informasi yang dicari di laman sesawang kami, masa-masa dan tarikh-tarikh akses, dan statistik-statistik yang lain.

Maklumat ini dikumpulkan untuk analisis dan penelitian bagi membantu kami menambah baik laman sesawang kami dan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang kami bekalkan. Data ini tidak akan digunakan bersekutuan dengan mana-mana maklumat peribadi yang lain.

## **Adakah kami menggunakan kuki-kuki?**

Kami menggunakan kuki-kuki pihak pertama untuk mengingat keutamaan anda, dan untuk menambah baik pengalaman anda apabila anda melawati laman sesawang kami. Kami berkemungkinan menggunakan data yang dikumpul melalui kuki-kuki untuk memberi anda iklan dalam usaha mempromosikan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami.

Google, sebagai vendor pihak ketiga, menggunakan kuki-kuki untuk memberi anda iklan-iklan dalam laman sesawang kami. Penggunaan kuki-kuki DART oleh Google membolehkan mereka menyiarkan iklan-iklan kepada pengguna-pengguna berdasarkan lawatan mereka ke laman sesawang kami dan laman sesawang yang lain di Internet. Pengguna boleh memilih untuk menarik diri daripada penggunaan kuki-kuki DART dengan melayari dasar privasi iklan dan kandungan rangkaian Google.

## **Kemas Kini Data Peribadi Anda**

Adalah amat penting Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami adalah tepat dan lengkap untuk anda terus menggunakan perkhidmatan kami. Anda bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada Data Peribadi anda atau dalam keadaan anda percaya bahawa Data Peribadi yang kami simpan tentang anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau lapuk.

Anda boleh kemas kini Data Peribadi pada bila-bila masa dengan mengakses akaun anda. Jika anda tidak boleh mengemas kini Data Peribadi melalui akaun anda, anda boleh hubungi bahagian perlindungan data kami.

## **Adakah kami mendedahkan sebarang Data Peribadi kepada pihak-pihak ketiga?**

Kami tidak menjual, mendagang, atau sebaliknya menyerahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak ketiga. Ini tidak termasuk pihak-pihak ketiga yang dipercayai yang membantu kami dalam menguruskan laman sesawang kami, menjalankan perniagaan kami, membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan kepada anda selagi mana parti-parti ini bersetuju untuk menyimpan Data Peribadi secara sulit. Kami juga boleh melepaskan Data Peribadi anda jika kami percaya bahawa pelepasan adalah untuk mematuhi undang-undang, untuk menguatkuasakan polisi-polisi laman sesawang kami supaya mengelakkan dan mengenal pasti jenayah, melindungi kepentingan awam atau melindungi hak-hak kami atau hak-hak yang lain, harta, atau keselamatan. Walaubagaimanapun, maklumat pelawat yang tidak boleh dikenal pasti secara peribadi boleh dibekalkan untuk pihak-pihak yang lain untuk pemasaran, pengiklanan, atau kegunaan-kegunaan lain.

## **Pendedahan Data Peribadi**

Data Peribadi yang telah dibekalkan kepada kami akan disimpan dengan sulit, tetapi Data Peribadi anda mungkin didedahkan kepada pihak-pihak yang tersenarai di dalam kategori-kategori berikut:

- a) Mana-mana orang di mana kami harus ikuti atau diperlukan di bawah undang-undang atau sebagai maklum balas kepada agensi kerajaan;
- b) Agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun;
- c) Juruaudit syarikat, perunding-perunding, akauntan-akauntan atau penasihat-penasihat kewangan atau profesional yang lain kami;
- d) Mana-mana individu atau organisasi-organisasi yang lain dengan kebenaran atau arahan-arahan anda;
- e) Anak syarikat kami dan syarikat yang berkaitan dengan kami; dan/atau
- f) Pembekal perkhidmatan dan rakan kongsi - rakan kongsi perniagaan kami seperti pembekal-pembekal, syarikat perkhidmatan kurier, perunding-perunding, rakan kongsi - rakan kongsi pemasaran, firma-firma penyelidikan, pemproses-pemproses bayaran kami dan
- g) fasilitator-fasilitator, pembekal-pembekal analitik data dan rakan kongsi-rakan kongsi kewangan dan insurans.

## **Hak Pelanggan bagi Akses dan Pembetulan**

Anda mempunyai hak untuk memohon akses dan pembetulan kepada Data Peribadi yang dipegang oleh kami. Di dalam perkara ini, anda boleh:-

- a) Menyemak sama ada kami memegang atau menggunakan Data Peribadi dan memohon untuk akses kepada data tersebut;
- b) memohon untuk kami membetulkan mana-mana Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau lapuk;
- c) memohon untuk Data Peribadi disimpan oleh kami untuk selama mana yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan ia dikumpulkan;
- d) memohon untuk kami menetapkan atau menerangkan polisi kami dan tatacara-tatacara berkaitan dengan data dan jenis-jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami; dan
- e) menarik balik, sepenuhnya atau sebahagian, daripada kebenaran yang diberikan sebelum ini, tertakluk kepada mana-mana sekatan undang-undang yang terpakai, syarat-syarat kontraktual dan satu jangka waktu yang munasabah. Bagaimanapun, jika anda menarik balik kebenaran anda, ia boleh mempengaruhi pembekalan perkhidmatan kepada anda.

Jabatan yang menerima permohonan secara bertulis untuk akses kepada Data Peribadi anda atau untuk membetulkan dan/atau untuk memadamkan Data Peribadi anda atau maklumat berkaitan polisi-polisi dan tatacara-tatacara dan jenis-jenis Data Peribadi yang dikendalikan oleh kami tertera di bawah:

## **Orang yang boleh dihubungi**

**Nama: Norazrin Binti Mohd Hassan**

**Jawatan: Penolong Pengurus Sumber Manusia**

**Nombor Telefon: 018-2346256**

**Emel: norazrin@ihi-ps.com.my**

**Alamat: Letter Box No.52, 19th Floor, UBN Tower, 10, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur**

## **Data Peribadi Sensitif**

Di mana yang diperlukan di bawah undang-undang Malaysia, kami akan mendapatkan kebenaran daripada anda sebelum kami memproses Data Peribadi Sensitif anda.

Kami akan memproses Data Peribadi atau Data Peribadi Sensitif tanpa persetujuan anda hanya dalam keadaan-keadaan yang terhad seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang Malaysia.

## **Penyimpanan Data Peribadi**

Kami hanya akan menyimpan Data Peribadi selama mana yang kami perlukan, sama ada, di bawah undang-undang atau selagi mana ia berkaitan dengan tujuan-tujuan ia dikumpulkan.

Kami akan berhenti menyimpan Data Peribadi atau mengeluarkan cara Data Peribadi boleh berkait dengan anda sebaik sahaja ia munasabah untuk menganggap bahawa penyimpanan tidak lagi memenuhi tujuan-tujuan maklumat dikumpul dan tidak lagi diperlukan untuk tujuan perundangan atau perniagaan.

## **Pemindahan Data Peribadi Antarabangsa**

Data Peribadi anda mungkin akan dipindah ke negara di luar Malaysia untuk tujuan-tujuan memberi maklum balas kepada soalan-soalan atau maklum balas tentang produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan kami atau perniagaan kami; untuk menganalisis pasaran; pengetahuan tentang perkembangan industry; merancang acara-acara korporat dan memasarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Syarikat yang lain, di mana terdapat tempat yang undang-undang berkuatkuasa adalah hampir sama kepada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Kami akan mengambil semua langkah-langkah berjaga yang munasabah dan menjalankan ketelitian sewajarnya untuk memastikan Data Peribadi di tempat itu tidak akan diproses dalam cara yang, jika tempat di Malaysia, akan bercanggah dengan PDPA. Anda memahami dan bersetuju untuk memindahkan Data Peribadi anda ke negara yang lain.

## **Kebeneran Anda**

Adalah amat diperlukan bagi kami untuk mengumpul dan memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini. Ia adalah atas dasar sukarela anda untuk membekalkan Data Peribadi. Walaubagaimanapun, sekiranya anda tidak membekalkan kami dengan Data Peribadi, kami tidak boleh memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini.

Dengan mendedahkan Data Peribadi anda kepada kami, anda bersetuju dan memberi kebenaran untuk kami memproses Data Peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam Notis ini. Namun begitu, anda masih berhak untuk menarik balik kebenaran atau menghadkan tujuan-tujuan dan tatacara-tatacara kami memproses Data Peribadi anda dan Data Peribadi yang berkaitan dengan orang-orang lain yang boleh dikenal pasti daripada Data Peribadi anda pada bila-bila masa mengikut terma-terma dalam Notisi Privasi.

## **Laman Web Pihak Ketiga**

Sekali-sekala, mengikut budi bicara kami, kami mungkin akan memasukkan atau menawarkan produk-produk atau perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga di laman sesawang kami. Laman-laman sesawang pihak ketiga mempunyai notis privasi yang berasingan dan berdiri sendiri. Oleh itu, kami tiada bertanggungjawab atau tidak ambil liabiliti untuk kandungan dan aktiviti-aktiviti laman-laman sesawang tersebut. Walaubagaimanapun, kami berusaha untuk melindungi integriti laman sesawang kami dan mengalu-alukan sebarang maklum balas tentang laman sesawang tersebut.

## **Terma-Terma dan Syarat-Syarat**

Sila lawati bahagian terma-terma dan syarat-syarat tentang penggunaan, penafian dan had liabiliti yang mentadbir penggunaan laman sesawang kami di <https://www.ipsm.com.my/ipsm/>

## **Perubahan kepada Notis Privasi**

Jika kami membuat keputusan untuk mengubah notis privasi, kami akan memaparkan perubahan-perubahan di laman sesawang kami.

## **Perlindungan Data Peribadi**

Syarikat telah meletakkan langkah-langkah keselamatan yang munasabah, secara fizikal dan keselamatan IT, untuk menjaga data peribadi Syarikat daripada akses yang tidak dibenarkan, pengumpulan yang tidak dibenarkan, penggunaan yang tidak dibenarkan, pendedahan yang tidak dibenarkan, penyalinan yang tidak dibenarkan, pertukaran yang tidak dibenarkan, pembuangan yang tidak dibenarkan atau risiko-risiko lain yang serupa.

## **Penterjemahan Yang Terpakai**

Notis Privasi ini disediakan dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Dalam keadaan di mana ada kecelaruan atau konflik, versi Bahasa Inggeris akan dikekalkan.

[2hb Mei 2023]